



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 678**

**AKTA BIOKESELAMATAN 2007**

**Tarikh Perkenan Diraja**

29 Ogos 2007

**Tarikh penyiaran dalam Warta**

**30 Ogos 2007**

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 678

### AKTA BIOKESELAMATAN 2007

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

###### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain
3. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

###### LEMBAGA BIOKESELAMATAN KEBANGSAAN

4. Penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan
5. Fungsi Lembaga
6. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik
7. Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat boleh menubuhkan jawatankuasa dan jawatankuasa kecil
8. Pelantikan Ketua **Pengarah** dan pegawai lain
9. Perwakilan fungsi Lembaga
10. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

##### BAHAGIAN III

###### KELULUSAN **BAGI** PELEPASAN DAN IMPORT

11. Pemakaian Bahagian III
12. Kehendak bagi mendapatkan kelulusan
13. Permohonan bagi mendapatkan kelulusan

Seksyen

14. Ketua **Pengarah** hendaklah merujuk permohonan kepada Jawatankuasa Penasihat, dsb.
15. Jawatankuasa Penasihat hendaklah membuat syor **tentang** permohonan bagi mendapatkan kelulusan
16. Kelulusan bagi pelepasan dan import
17. Kelulusan adalah sah bagi pelepasan dan import yang berikutnya
18. Kajian semula kelulusan apabila mendapat maklumat baru
19. Hal keadaan yang Lembaga boleh membuat perintah selanjutnya apabila diluluskan
20. Rayuan kepada Menteri yang berhubungan dengan kelulusan

#### BAHAGIAN IV

##### PEMBERITAHUAN BAGI EKSPORT, KEGUNAAN TERKAWAL DAN IMPORT BAGI KEGUNAAN TERKAWAL

21. Pemakaian Bahagian IV
22. Kehendak bagi pemberitahuan
23. Pematuhan kehendak negara pengimport
24. Pengemukaan pemberitahuan
25. Pengakuteraan pengemukaan pemberitahuan oleh Ketua **Pengarah**
26. Langkah-langkah khusus yang hendaklah diambil dalam kegunaan terkawal
27. Ketua **Pengarah** boleh menghendaki maklumat tambahan
28. Ketua **Pengarah** hendaklah merujuk pemberitahuan kepada Jawatankuasa Penasihat dan agensi yang berkaitan
29. Jawatankuasa Penasihat hendaklah membuat syor **tentang** pemberitahuan
30. Lembaga hendaklah membuat perintah yang sesuai **tentang** pemberitahuan
31. Lembaga boleh menghendaki maklumat tambahan
32. Kajian semula **pemberitahuan** apabila mendapat maklumat baru
33. Hal keadaan yang Lembaga boleh membuat perintah selanjutnya **tentang** pemberitahuan
34. Rayuan kepada Menteri yang berhubungan dengan pemberitahuan
35. Pembuatan keputusan oleh Lembaga atau Menteri

## *Biokeselamatan*

### BAHAGIAN V

#### LAPORAN PENILAIAN RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO DAN PELAN GERAK BALAS KECEMASAN

##### Seksyen

36. Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko
37. Pelan gerak balas kecemasan

### BAHAGIAN VI

#### PENGUATKUASAAN

38. Pegawai penguat kuasa
39. Kuasa penyiasatan
40. Penggeledahan dengan waran
41. Penggeledahan tanpa waran
42. Akses kepada data berkomputer
43. Senarai benda yang disita
44. Kuasa untuk mengelak premis
45. Pelucuthakan organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian, dsb.
46. Kos memegang organisma, dsb., yang disita
47. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan
48. Halangan terhadap pegawai penguat kuasa
49. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
- 49A. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
50. Kuasa untuk menghendaki pengemukaan benda yang berhubung dengan kesalahan
51. Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berhubung dengan kesalahan
52. Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat **tentang** organisma diubah suai yang **hidup** atau hasil organisma sedemikian
53. Kuasa untuk mengambil sampel
54. Tatacara bagi pengambilan sampel
55. Pelantikan juruanalisis
56. Perakuan analisis
57. Anggaran
58. Pemulaan pendakwaan

## BAHAGIAN VII

## PELBAGAI

## Seksyen

59. Maklumat perniagaan yang rahsia
60. Pendedahan umum
61. Pengenalpastian dan pelabelan
62. Bantuan daripada berbilang agensi semasa kecemasan
63. Penyampaian notis
64. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
65. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat
66. Kuasa untuk mengkompaun
67. Pemalsuan, penyembunyian dan pemusnahan dokumen
68. Kuasa Menteri untuk membuat pengecualian
69. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
70. Kuasa untuk meminda Jadual
71. Peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 678

### AKTA BIOKESELAMATAN 2007

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan; untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma diubah suai yang hidup, dan pelepasan hasil organisma sedemikian, dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi, dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak mengambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Biokeselamatan 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain**

2. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan import dan eksport, kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi, dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan bukan pengurangan, peruntukan undang-undang bertulis lain.

(2) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang disebut dalam subseksyen (1) peruntukan Akta ini hendaklah dipakai.

**Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"aktiviti pelepasan" ertinya apa-apa pengenalan dengan sengaja organisma diubah suai yang **hidup** atau hasilan organisma sedemikian ke dalam alam sekitar melalui aktiviti atau bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

"bioteknologi moden" ertinya pemakaian—

(a) teknik asid nukleik *in vitro*, termasuk asid deoksiribonukleik (DNA) rekombinan dan suntikan langsung asid nukleik ke dalam sel atau **organel**; atau

(b) percantuman sel di luar famili taksonomik,

yang mengatasi pembiakan fisiologi semula jadi atau halangan rekombinasi dan yang bukan teknik yang digunakan dalam pembiakan baka secara tradisional dan pemilihan;

"hasilan organisma sedemikian" ertinya apa-apa hasilan yang diperoleh daripada organisma diubah suai yang **hidup** atau sebahagian daripada organisma diubah suai yang **hidup**—

(a) jika hasilan itu mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) rekombinan boleh kesan; atau

(b) jika profil, ciri atau sifat hasilan itu adalah atau tidak lagi bersamaan dengan hasilan yang lazim **tanpa** mengira kehadiran asid deoksiribonukleik (DNA) rekombinan itu;



"Jawatankuasa Penasihat" ertinya Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

"juruanalisis" ertinya seseorang juruanalisis yang dilantik di bawah seksyen 55;

"kegunaan terkawal" ertinya apa-apa operasi termasuk penyelidikan dan pembangunan, operasi pengeluaran atau pengilangan yang melibatkan organisma diubah suai yang **hidup**, atau penyimpanan organisma diubah suai yang **hidup**, yang **dijalankan** dalam sesuatu struktur kemudahan, pemasangan atau struktur fizikal lain sehingga ia menghalang sentuhan dan kesan organisma diubah suai yang **hidup** kepada alam sekitar luaran;

"kelulusan" ertinya kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 16(3);

"kepelbagaian biologi" ertinya keragaman antara organisma **hidup** daripada segala sumber termasuk, antara lain, daratan, lautan dan ekosistem akuatik lain dan kompleks ekologi yang mereka adalah sebahagian; dan termasuklah kepelbagaian dalam spesies, antara spesies dan ekosistem;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen 8(1);

"Lembaga" ertinya Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan **tanggungjawab** bagi sumber asli dan alam sekitar;

"orang yang diluluskan" ertinya—

- (a) seseorang yang kepadanya suatu kelulusan telah diberikan di bawah Bahagian III; atau
- (b) seseorang yang kepadanya suatu pengakuteraan penerimaan apabila pengemukaan pemberitahuan di bawah Bahagian IV telah dikeluarkan;

"organisma diubah suai yang **hidup**" ertinya mana-mana organisma **hidup** yang memiliki kombinasi baru bahan genetik yang diperolehi melalui penggunaan bioteknologi **moden**;

"organisma hidup" ertinya mana-mana entiti biologi yang boleh memindahkan atau mereplikakan bahan genetik, termasuk organisma, virus dan viroid steril;

"pegawai penguat kuasa" ertinya seseorang pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen 8(1) dan termasuklah seseorang pegawai yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah perenggan 38(c);

"penduduk" ertinya seseorang yang menduduki dengan sebenarnya atau yang bertanggungjawab bagi, mengurus atau mengawal—

- (a) mana-mana premis; atau
- (b) berhubung dengan premis yang bahagian yang berlainan diduduki oleh orang yang berlainan, masing-masing orang yang menduduki atau mengawal setiap bahagian;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 4(2)(a);

"premis" termasuklah rumah, bangunan, tanah, tenemen, isemen mana-mana pemegangan, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dibina di atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggarakan atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun dan apa-apa jentera, loji, vesel, pesawat udara atau kenderaan lain.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA BIOKESELAMATAN KEBANGSAAN

#### **Penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan**

4. (1) Suatu lembaga dengan nama "Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan" ditubuhkan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) seorang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;

### *Biokeselamatan*

- (c) seorang wakil daripada Kementerian Kesihatan;
- (d) seorang wakil daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;
- (e) seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- (f) seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (g) seorang wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; dan
- (h) tidak lebih daripada empat orang lain yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman atau kedua-duanya dalam mana-mana disiplin atau perkara yang berkaitan dengan Akta ini.

(3) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga dan hendaklah menjalankan tugas sebagaimana yang dikenakan oleh Lembaga.

(5) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

### **Fungsi Lembaga**

5. (1) Fungsi Lembaga adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk membuat keputusan tentang semua permohonan dan perkara di bawah Bahagian III dan Bahagian IV;
- (b) untuk memantau aktiviti yang berhubungan dengan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian;
- (c) untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pendidikan dan latihan yang berhubungan dengan biokeselamatan;
- (d) untuk menubuhkan mekanisme untuk memudahkan pengumpulan, penyimpanan dan penyebaran data yang berhubungan dengan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian dan biokeselamatan; dan

- (e) jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, untuk melaksanakan atau mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan obligasi yang berbangkit daripada perjanjian, konvensyen, atau triti yang berhubungan dengan biokeselamatan yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak jika perjanjian, kovensyen atau triti itu berkaitan dengan maksud Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa perkara yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

### **Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik**

**6.** (1) Suatu jawatankuasa dengan nama "Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik" ditubuhkan.

(2) Fungsi Jawatankuasa Penasihat adalah untuk memberikan nasihat saintifik, teknikal dan nasihat berkaitan yang lain kepada Menteri atau Lembaga.

(3) Pengerusi Jawatankuasa Penasihat hendaklah dilantik oleh Menteri.

(4) Apa-apa bilangan anggota lain Jawatankuasa Penasihat, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, hendaklah dilantik oleh Lembaga.

(5) Anggota Jawatankuasa Penasihat hendaklah terdiri daripada pakar daripada pelbagai disiplin berasaskan sains dan disiplin berkaitan yang lain.

(6) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penasihat hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan masing-masing dan adalah layak untuk dilantik semula.

(7) Pelantikan pengerusi Jawatankuasa Penasihat boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri dan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(8) Pengerusi Jawatankuasa Penasihat boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri dan seseorang anggota Jawatankuasa Penasihat boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga.

(9) Jika pengerusi Jawatankuasa Penasihat tidak hadir pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat, anggota yang hadir boleh melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(10) Jawatankuasa Penasihat boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang yang diundang itu tidak berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(11.) Tertakluk kepada subseksyen (9) dan (10), Jawatankuasa Penasihat boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(12) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penasihat dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Penasihat boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain berkaitan dengan kerja jawatankuasa itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(13) Tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan am kepada Jawatankuasa Penasihat di bawah seksyen 10, Jawatankuasa Penasihat hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.

### **Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat boleh menubuhkan jawatankuasa dan jawatankuasa kecil**

7. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa, dan Jawatankuasa Penasihat boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa kecil, sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai **manfaat** oleh Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat untuk membantu mereka dalam melaksanakan fungsi mereka di bawah Akta ini.

(2) Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(4) Sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang yang diundang itu tidak berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(5) Anggota sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain berkaitan dengan kerja jawatankuasa atau jawatankuasa kecil itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(6) Seseorang anggota sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(7) Pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(8) Seseorang anggota sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga atau pengerusi Jawatankuasa Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9) Sesuatu jawatankuasa dan jawatankuasa kecil hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecil itu oleh Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam melaksanakan fungsi mereka.

## Biokeselamatan

### **Pelantikan Ketua Pengarah dan pegawai lain**

**8.** (1) Maka hendaklah dilantik seorang Ketua Pengarah Biokeselamatan dan mana-mana pegawai lain, termasuk pegawai penguat kuasa, sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1).

(3) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pengarah hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga.

### **Pewakilan fungsi Lembaga**

**9.** (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsinya, kecuali fungsi di bawah perenggan 5(1)(a), kepada—

- (a) mana-mana anggota Lembaga;
- (b) Jawatankuasa Penasihat atau mana-mana anggotanya;
- (c) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga; atau
- (d) Ketua Pengarah.

(2) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi yang diwakilkan itu.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**10.** Menteri boleh memberikan arahan am kepada Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat yang selaras dengan Akta ini, dan Lembaga dan Jawatankuasa Penasihat hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan arahan sedemikian.

## BAHAGIAN III

### KELULUSAN BAGI PELEPASAN DAN IMPORT

### **Pemakaian Bahagian III**

**11.** (1) Bahagian ini hendaklah terpakai bagi aktiviti pelepasan dan aktiviti import yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bahagian ini tidak terpakai bagi pengimportan organisma diubah suai yang **hidup** yang diniatkan bagi maksud menjalankan suatu aktiviti kegunaan terkawal.

### **Kehendak bagi mendapatkan kelulusan**

**12.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti pelepasan, atau apa-apa pengimportan organisma diubah suai yang **hidup**, atau kedua-duanya **tanpa** kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila **disabitkan**,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu atau dipenjarakan selama **tempoh** tidak melebihi lima tahun atau **kedua-duanya** dan, dalam **hal** kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam **hal** kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Permohonan bagi mendapatkan kelulusan**

**13.** (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan apa-apa aktiviti pelepasan, atau apa-apa pengimportan organisma diubah suai yang **hidup**, atau kedua-duanya hendaklah dikemukakan kepada Ketua **Pengarah** mengikut **cara** yang ditetapkan, bersama-sama dengan fi yang ditetapkan, dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu **laporan** penilaian risiko dan pengurusan risiko sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 36;
- (b) suatu **pelan** gerak balas kecemasan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 37; dan
- (c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) **Pada** bila-bila masa selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua **Pengarah** boleh menghendaki



pemohon supaya memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana pemohon gagal untuk memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), permohonannya atau permohonan pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan yang baru dibuat.

**Ketua Pengarah hendaklah merujuk permohonan kepada Jawatankuasa Penasihat, dsb.**

**14.** Apabila suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan telah dikemukakan mengikut seksyen 13, Ketua Pengarah—

- (a) hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Penasihat bagi mendapatkan syornya;
- (b) hendaklah merujuk permohonan itu kepada mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan yang berkaitan tentang perkara khusus; dan
- (c) tertakluk kepada seksyen 59, hendaklah bagi maksud pendedahan umum, mengundang penyertaan orang ramai, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, bagi mendapatkan pandangan mereka tentang permohonan itu.

**Jawatankuasa Penasihat hendaklah membuat syor tentang permohonan bagi mendapatkan kelulusan**

**15.** (1) Apabila menerima suatu permohonan yang dirujuk kepadanya di bawah perenggan 14(a), Jawatankuasa Penasihat hendaklah menilai permohonan itu bagi maksud membuat syor kepada Lembaga tentang sama ada atau tidak permohonan itu sepatutnya diluluskan, dan terma dan syarat yang hendaklah dikenakan oleh Lembaga, jika ada.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu, Jawatankuasa Penasihat boleh meminta maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan daripada pemohon melalui Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana pemohon gagal untuk memberikan, dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, apa-apa maklumat, butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah

subseksyen (2), permohonannya atau permohonan pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan yang baru dibuat.

(4) Sebaik sahaja Jawatankuasa Penasihat menyiapkan penilaiannya ke atas permohonan itu, Jawatankuasa Penasihat hendaklah mengemukakan syornya tentang permohonan itu kepada Lembaga.

### **Kelulusan bagi pelepasan dan import**

**16.** (1) Pada bila-bila masa selepas menerima syor Jawatankuasa Penasihat di bawah seksyen 15, Lembaga boleh meminta pemohon supaya memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Jika mana-mana pemohon gagal untuk memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), permohonannya atau permohonan pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan yang baru dibuat.

(3) Setelah mempertimbangkan syor Jawatankuasa Penasihat, ulasan jabatan atau agensi yang berkaitan yang disebut dalam perenggan 14(b), pandangan orang ramai, jika ada, yang disebut dalam perenggan 14(c), dan mana-mana maklumat, butir atau dokumen tambahan yang diberikan menurut permintaan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh meluluskan permohonan itu dengan mengeluarkan suatu perakuan kelulusan atau menolak permohonan itu.

(4) Jika Lembaga memberikan kelulusan, Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(5) Orang yang diluluskan boleh memohon kepada Lembaga bagi mengubah mana-mana terma dan syarat yang dikenakan ke atas kelulusan itu.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa selepas kelulusan diberikan, menghendaki orang yang diluluskan itu supaya memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen selanjutnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(7) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar mana-mana terma dan syarat yang dikenakan ke atas kelulusan itu atau gagal untuk memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Kelulusan adalah sah bagi pelepasan dan import yang berikutnya**

17. (1) Jika sesuatu kelulusan telah diberikan kepada orang yang diluluskan bagi suatu aktiviti pelepasan yang melibatkan mana-mana organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian atau pengimportan organisma diubah suai yang hidup, kelulusan itu adalah sah bagi aktiviti pelepasan yang serupa yang berikutnya yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang sama atau pengimportan yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup yang sama yang dijalankan oleh orang yang diluluskan itu.

(2) Peruntukan subseksyen (1) tidak sama sekali membebaskan orang yang diluluskan itu daripada mematuhi undang-undang bertulis lain yang mengawal organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang sama.

(3) Dalam seksyen ini, "organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang sama" ertinya organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang diperihalkan dalam kelulusan dan melibatkan kejadian transformasi yang sama.

**Kajian semula kelulusan apabila mendapat maklumat baru**

**18.** (1) Lembaga boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa Penasihat, mengkaji semula mana-mana kelulusan pada bila-bila masa apabila mendapat maklumat atau keterangan baru tentang organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang berkenaan dengannya kelulusan itu diberikan.

(2) Jika, apabila mengkaji semula kelulusan, Lembaga berpuas hati bahawa terdapat risiko ditimbulkan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, alam sekitar atau kepelbagaian biologi, Lembaga boleh mengambil mana-mana tindakan yang berikut:

- (a) membatalkan kelulusan itu;
- (b) membuat perintah pemberhentian sementara;
- (c) mengenakan terma dan syarat tambahan;
- (d) memerintahkan orang yang diluluskan untuk membuat pembedahan; atau
- (e) membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga demi kepentingan biokeselamatan.

(3) Jika Lembaga membatalkan sesuatu kelulusan, orang yang diluluskan hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan pembatalan itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan kepada Lembaga.

(4) Jika Lembaga membuat perintah pemberhentian sementara, orang yang diluluskan itu hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan perintah pemberhentian itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan itu kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mengendorskan hakikat dan tempoh pemberhentian sementara itu pada perakuan kelulusan itu dan mengembalikan perakuan itu kepada orang yang diluluskan.

(5) Jika Lembaga mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan orang yang diluluskan itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pemberitahuan penganan terma dan syarat tambahan itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan kepada Lembaga dan

Lembaga hendaklah mengendorskan terma dan syarat tambahan itu pada perakuan kelulusan itu dan mengembalikan perakuan itu kepada orang yang diluluskan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (2) atau melanggar subseksyen (3), (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Hal keadaan yang Lembaga boleh membuat perintah selanjutnya apabila diluluskan**

**19.** (1) Walau apa pun kuasa Lembaga untuk mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen 18(2), Lembaga boleh membatalkan kelulusan, membuat perintah pemberhentian sementara, mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan, memerintahkan orang yang diluluskan untuk membuat pembetulan, atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut demi kepentingan biokeselamatan oleh Lembaga dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika terdapat risiko ditimbulkan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, alam sekitar atau kepelbagaian biologi;
- (b) jika orang yang diluluskan itu gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dikenakan ke atas kelulusan itu;
- (c) jika orang yang diluluskan itu gagal mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga;
- (d) jika orang yang diluluskan itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sama ada atau tidak pendakwaan telah dimulakan terhadapnya; atau

- (e) jika orang yang diluluskan itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Jika Lembaga membatalkan sesuatu kelulusan, orang yang diluluskan itu hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan pembatalan itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan itu kepada Lembaga.

(3) Jika Lembaga membuat suatu perintah pemberhentian sementara, orang yang diluluskan itu hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan perintah pemberhentian itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan itu kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mengendorskan hakikat dan tempoh pemberhentian sementara itu pada perakuan kelulusan itu dan mengembalikan perakuan itu kepada orang yang diluluskan.

(4) Jika Lembaga mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan orang yang diluluskan itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pemberitahuan penganan terma dan syarat tambahan itu, menyerahkan balik perakuan kelulusan itu kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mengendorskan terma dan syarat tambahan itu pada perakuan kelulusan itu dan mengembalikan perakuan itu kepada orang yang diluluskan.

(5) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) atau melanggar subseksyen (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Rayuan kepada Menteri yang berhubungan dengan kelulusan**

**20.** (1) Mana-mana orang atau orang yang diluluskan yang terkilang dengan mana-mana keputusan atau tindakan Lembaga di bawah seksyen 16, 18 atau 19 boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan atau tindakan Lembaga.

### **BAHAGIAN IV**

#### **PEMBERSTAHUAN BAGI EKSPORT. KEGUNAAN TERKAWAL DAN IMPORT BAGI KEGUNAAN TERKAWAL**

### **Pemakaian Bahagian IV**

**21.** Bahagian IV hendaklah terpakai bagi aktiviti pengeksportan dan kegunaan terkawal yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dan pengimportan organisma diubah suai yang hidup bagi maksud menjalankan aktiviti kegunaan terkawal.

### **Kehendak bagi pemberitahuan**

**22.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan mana-mana aktiviti yang berikut tanpa memberikan pemberitahuan terdahulu kepada Lembaga:

- (a) pengeksportan organisma diubah suai yang hidup;
- (b) kegunaan terkawal yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup;
- (c) pengimportan organisma diubah suai yang hidup bagi maksud menjalankan suatu aktiviti kegunaan terkawal.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-

duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;

- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Pematuhan kehendak negara pengimport**

**23.** (1) Mana-mana orang yang bercadang untuk mengeksport organisma diubah suai yang hidup hendaklah mematuhi kehendak negara pengimport tentang pengimportan organisma diubah suai yang hidup dan hendaklah memaklumkan kepada Lembaga kehendak itu, jika ada, dan pematuhannya atau pematuhan pertubuhan perbadanan dengan kehendak itu mengikut cara yang ditetapkan dan disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Maklumat yang diberikan di bawah subseksyen (1) adalah merupakan pemberitahuan yang mencukupi bagi maksud perenggan 22(1)(a).

(3) Pematuhan subseksyen (1) tidak sama sekali membebaskan orang itu daripada mematuhi undang-undang bertulis lain yang mengawal eksport dan perdagangan asing.

### **Pengemukakan pemberitahuan**

**24.** Pemberitahuan yang dikehendaki di bawah perenggan 22(1)(b) dan (c) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan berserta dengan fi yang ditetapkan dan disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) suatu pelan gerak balas kecemasan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 37;
- (b) berhubung dengan suatu aktiviti kegunaan terkawal yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup, langkah-langkah khusus yang hendaklah diambil; dan
- (c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.



**Pengakuteraan pengemukaan pemberitahuan oleh Ketua Pengarah**

25. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu pengakuteraan penerimaan pemberitahuan yang dikemukakan di bawah subseksyen 23(1) dan seksyen 24 dan orang yang kepadanya pengakuteraan itu dikeluarkan boleh menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan pemberitahuan itu dan boleh terus menjalankan aktiviti itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen 30(3).

(2) Pengakuteraan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) tidak sama sekali membebaskan orang itu daripada mematuhi undang-undang bertulis lain yang mengawal organisma diubah suai yang hidup dan pengimportannya.

**Langkah-langkah khusus yang hendaklah diambil dalam kegunaan terkawal**

26. (1) Mana-mana orang yang diluluskan yang menjalankan suatu aktiviti kegunaan terkawal hendaklah mengambil mana-mana langkah khusus yang disebut dalam perenggan 24(b) dan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Ketua Pengarah boleh menghendaki maklumat tambahan**

27. (1) Pada bila-bila masa selepas menerima pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen 23(1) dan seksyen 24, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang diluluskan itu supaya memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan.

(2) Jika mana-mana orang yang diluluskan gagal untuk memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), pengakuteraan yang dikeluarkan kepadanya atau kepada pertubuhan perbadanan itu di bawah seksyen 25 hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan baru dikemukakan.

**Ketua Pengarah hendaklah merujuk pemberitahuan kepada Jawatankuasa Penasihat dan agensi yang berkaitan**

**28.** Apabila suatu pemberitahuan diaku terima dengan sewajarnya mengikut seksyen 25, Ketua Pengarah hendaklah merujuk pemberitahuan itu kepada Jawatankuasa Penasihat dan mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan tentang perkara khusus.

**Jawatankuasa Penasihat hendaklah membuat syor tentang pemberitahuan**

**29.** (1) Apabila menerima pemberitahuan di bawah seksyen 28, Jawatankuasa Penasihat hendaklah menilai pemberitahuan itu bagi maksud membuat syor kepada Lembaga tentang sama ada atau tidak aktiviti yang berhubungan dengan pemberitahuan itu patut diteruskan, dan terma dan syarat yang hendaklah dikenakan oleh Lembaga, jika ada.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima pemberitahuan itu, Jawatankuasa Penasihat boleh meminta maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan melalui Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang yang diluluskan gagal untuk memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), pengakuteraan yang dikeluarkan kepadanya atau pertubuhan perbadanan di bawah seksyen 25 hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan pemberitahuan yang baru dikemukakan.

(4) Apabila membuat suatu penilaian terhadap pemberitahuan itu, Jawatankuasa Penasihat hendaklah mengemukakan syornya tentang pemberitahuan itu kepada Lembaga.

**Lembaga hendaklah membuat perintah yang sesuai tentang pemberitahuan**

**30.** (1) Pada bila-bila masa selepas menerima syor Jawatankuasa Penasihat dan ulasan agensi yang berkaitan yang disebut dalam seksyen 28, Lembaga boleh meminta maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan melalui Ketua Pengarah.

(2) Jika mana-mana orang yang diluluskan gagal untuk memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), pengakuteraan yang dikeluarkan kepadanya atau pertubuhan perbadanan di bawah seksyen 25 hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan pemberitahuan yang baru dikemukakan.

(3) Apabila mempertimbangkan syor Jawatankuasa Penasihat di bawah subseksyen 29(4), Lembaga boleh tidak membuat perintah, mengeluarkan perintah pemberhentian, mengenakan apa-apa terma dan syarat, memerintahkan orang yang diluluskan itu supaya membuat pembetulan atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga demi kepentingan biokeselamatan.

(4) Lembaga hendaklah membuat keputusannya di bawah subseksyen 30(3) dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan itu dan memberitahu keputusannya secara bertulis kepada orang yang diluluskan.

(5) Jika Lembaga mengeluarkan suatu perintah pemberhentian, orang yang diluluskan hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan perintah pemberhentian itu, menyerahkan balik pengakuteraan penerimaan pemberitahuan yang dikeluarkan kepadanya atau pertubuhan perbadanan di bawah seksyen 25 kepada Lembaga.

(6) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (3) atau melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya

dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;

- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Lembaga boleh menghendaki maklumat tambahan**

**31.** (1) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, selepas menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 30(1), menghendaki orang yang diluluskan itu supaya memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang diluluskan yang gagal untuk memberikan apa-apa maklumat, butir atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Kajian semula pemberitahuan apabila mendapat maklumat baru**

**32.** (1) Lembaga boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa Penasihat, mengkaji semula mana-mana pemberitahuan pada bila-bila masa apabila menerima maklumat atau keterangan baru tentang organisma diubah suai yang hidup yang berhubungan dengan pemberitahuan itu.

(2) Apabila mengkaji semula, jika terdapat risiko ditimbulkan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, alam sekitar atau kepelbagaian biologi, Lembaga boleh mengambil mana-mana tindakan yang berikut:

- (a) membuat suatu perintah pemberhentian;
- (b) mengenakan terma dan syarat tambahan;
- (c) memerintahkan orang yang diluluskan itu untuk membuat pembedahan; atau
- (d) membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga demi kepentingan biokeselamatan.

(3) Jika Lembaga membuat perintah pemberhentian, orang yang diluluskan itu hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan perintah pemberhentian itu, menyerahkan balik pengakuteraan pengemukaan pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 kepada Lembaga.

(4) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (2) atau melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Hal keadaan yang Lembaga boleh membuat perintah selanjutnya tentang pemberitahuan**

**33.** (1) Walau apa pun kuasa Lembaga untuk mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen 32(2), Lembaga boleh membuat suatu perintah pemberhentian, mengenakan apa-apa terma dan

syarat tambahan, memerintahkan orang yang diluluskan itu untuk membuat pembetulan, atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga demi kepentingan biokeselamatan dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika terdapat risiko ditimbulkan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, alam sekitar atau kepelbagaian biologi;
- (b) jika orang yang diluluskan itu gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dikenakan ke atas pemberitahuan itu;
- (c) jika orang yang diluluskan itu gagal mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga;
- (d) jika orang yang diluluskan itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sama ada atau tidak pendakwaan telah dirnulakan terhadapnya; atau
- (e) jika orang yang diluluskan itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Jika Lembaga membuat suatu perintah pemberhentian, orang yang diluluskan hendaklah menghentikan semua aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang **hidup** dengan serta-merta dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemberitahuan pemberhentian itu, menyerahkan balik pengakuterimaan pengemukaan pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 kepada Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) atau melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Rayuan kepada Menteri yang berhubungan dengan pemberitahuan**

**34.** (1) Mana-mana orang atau orang yang diluluskan yang terkilang dengan mana-mana keputusan Lembaga yang berhubungan dengan pemberitahuan itu boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Lembaga.

### **Pembuatan keputusan oleh Lembaga atau Menteri**

**35.** Lembaga atau Menteri tidak boleh dihalang daripada membuat keputusan, yang sesuai, di bawah Bahagian III atau Bahagian IV, jika terdapat kekurangan kepastian saintifik disebabkan oleh maklumat dan pengetahuan saintifik yang berkaitan tidak mencukupi berkenaan dengan takat kesan buruk yang berpotensi bagi organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian terhadap kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi dan boleh juga mengambil kira pertimbangan sosioekonomi.

## **BAHAGIAN V**

### **LAPORAN PENILAIAN RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO DAN PELAN GERAK BALAS KECEMASAN**

#### **Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko**

**36.** (1) Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan oleh Menteri dan hendaklah mengandungi—

- (a) suatu penilaian risiko dan kesan buruk yang organisma diubah suai yang hidup itu dan hasilan organisma sedemikian yang akan ada atau berkemungkinan ada ke atas kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi; dan
- (b) langkah-langkah yang dicadangkan yang hendaklah diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal risiko dan kesan buruk yang organisma diubah suai yang hidup

itu dan hasilan organisma sedemikian yang akan ada atau berkemungkinan ada ke atas kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi.

(2) Walau apa pun apa-apa laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko yang dikemukakan oleh seseorang orang yang diluluskan, orang yang diluluskan itu hendaklah mematuhi langkah-langkah pengurusan risiko yang minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, selepas berunding dengan Jawatankuasa Penasihat.

(3) Apabila kelulusan atau pengakuteraan didapati daripada Lembaga, orang yang diluluskan itu hendaklah, dalam menjalankan aktiviti pelepasan, pengimportan atau kegunaan terkawal yang berhubungan dengan kelulusan atau pengakuteraan, mengikut mana-mana yang berkenaan,—

- (a) memasukkan ke dalam reka bentuk, pembinaan dan operasi, mengikut mana-mana yang terpakai, aktiviti pelepasan, import atau kegunaan terkawal langkah-langkah yang dicadangkan dalam laporan pengurusan risiko orang yang diluluskan itu; dan
- (b) menjalankan dan mematuhi, dengan memuaskan hati Lembaga, langkah-langkah pengurusan risiko yang minimum yang disebut dalam subseksyen (2).

(4) Mana-mana orang yang diluluskan yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.



**Pelan gerak balas kecemasan**

**37.** (1) Suatu pelan gerak balas kecemasan hendaklah menyediakan —

- (a) langkah-langkah dan tatacara keselamatan bagi perlindungan kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi terhadap kecederaan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian; dan
- (b) segala langkah perlu yang hendaklah diambil sekiranya berlaku kecemasan.

(2) Mana-mana orang yang diluluskan yang gagal mengambil langkah-langkah perlu dalam sesuatu kecemasan mengikut pelan gerak balas kecemasan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**BAHAGIAN VI****PENGUATKUASAAN****Pegawai penguat kuasa**

**38.** Pegawai yang berikut bolehlah menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini:

- (a) seorang pegawai penguat kuasa Lembaga;
- (b) pegawai yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan
- (c) mana-mana pegawai lain Lembaga atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga.

### **Kuasa penyasatan**

**39.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya, dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat, kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga supaya dibawa oleh pegawai itu.

(3) Dalam mana-mana kes yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(4) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai mengehadkan atau menyentuh mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

### **Pengeledahan dengan waran**

**40.** (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis terdapat atau telah berlaku apa-apa pelanggaran Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, untuk masuk ke dalam premis itu, jika perlu dengan kekerasan, dan di sana—

- (a) menggeledah dan menyita mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelanggaran Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

## *Biokeselarnatan*

- (b) mengambil sampel mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan menguji atau selainnya, sama ada mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen, data berkomputer atau benda termasuk dalam bentuk digital, atau membuat salinan sandar data berkomputer atau benda termasuk dalam bentuk digital, bagi maksud penyiasatan.

(2) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang disita di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa hendaklah, dengan apa-apa cara yang munasabah, mengelak organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital dalam premis itu atau bekas yang organisma atau hasilan organisma sedemikian yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, dijumpai.

(3) Adalah menjadi suatu kesalahan jika mana-mana orang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan 'boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersama-samanya mana-mana orang dan kelengkapan lain sebagaimana yang ternyata padanya perlu,

(6) Mana-mana pegawai penguat kuasa boleh pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis dan masuk ke dalam premis itu;
- (b) masuk secara paksa ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagian premis itu;
- (c) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang ditemui dalam premis itu sehingga premis itu selesai digeledah.

(7) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen ini, seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah juga mempunyai kuasa untuk memberhentikan, menaiki atau menahan mana-mana vesel, pesawat udara atau kenderaan lain.

### **Pengeledahan tanpa waran**

**41.** Jika mana-mana pegawai penguat kuasa dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam subseksyen 40(1) mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai penguat kuasa itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan dengan premis itu segala kuasa yang diperuntukkan dalam seksyen 40 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Akses kepada data berkomputer**

**42.** Mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah seksyen 40 atau 41 hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang distorkan dalam suatu komputer atau selainnya, dan bagi maksud itu, hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami.

### **Senarai benda yang disita**

**43.** (1) Jika apa-apa organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital disita di bawah Bahagian ini, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang disita.

(2) Penduduk premis yang digeledah, atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah dalam tiap-tiap keadaan dibenarkan untuk hadir semasa pengeledahan itu, dan suatu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada penduduk atau orang itu atas permintaannya.

(3) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan suatu senarai organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

### **Kuasa untuk mengelak premis**

**44.** Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 40 atau 41, seseorang pegawai penguat kuasa boleh mengelak mana-mana premis buat sementara waktu.

**Pelucuthakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, dsb.**

45. (1) Mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organism sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh mahkamah yang dihadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa organisma atau hasilan yang disyaki tersebut merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, suatu notis hendaklah disampaikan ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya organisma atau hasilan yang disyaki tersebut merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital telah disita.

(4) Notis yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah menunjukkan bahawa—

- (a) tidak ada pendakwaan berkenaan dengan organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital; dan
- (b) organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyampaian notis itu melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (5), (6) dan (7).

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa organisma atau hasilan yang disyaki itu merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital, tidak boleh dilucuthakkan boleh memberikan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam milikannya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital, dipegang bahawa dia menuntut organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital.

(6) Apabila diterima notis di bawah subseksyen (5), pegawai penguat kuasa itu hendaklah merujuk tuntutannya kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi mendapatkan keputusannya.

(7) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara itu dirujuk di bawah subseksyen (6) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital dan orang yang daripadanya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau mereka ingkar untuk hadir, tetapi penyampaian saman dengan sewajarnya telah dibuktikan, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu, dan apabila terbukti bahawa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa organisma atau hasilan yang disyaki merupakan suatu organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital, ialah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital dilucuthakkan atau boleh, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasan organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital kepada orang yang berhak kepadanya.

(8) Jika suatu perintah pelucuthakan dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (2) atau (7) atau jika tiada tuntutan dibuat di bawah subseksyen (5), pegawai penguat kuasa hendaklah melupuskan organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas,



kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital, mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan apa-apa kos yang dilakukan bagi pelupusan itu hendaklah ditanggung oleh pemunya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital.

(9) Jika mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini adalah daripada jenis yang mudah musnah atau yang mengikut tabiinya lekas rosak atau jika penjagaan organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah atau membahayakan orang ramai, pegawai penguat kuasa boleh melupuskan organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan apa-apa kos yang dilakukan bagi pelupusan itu hendaklah ditanggung oleh pemunya itu.

(10) Mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital, yang dilucuthakkan atau disifatkan telah dilucuthakkan di bawah Bahagian ini hendaklah menjadi harta Kerajaan Persekutuan.

(11) Ketua Pengarah atau seseorang pegawai penguat kuasa yang bertindak dengan suci hati pada menjalankan kuasa di bawah seksyen ini tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerosotan, susut nilai atau kerosakan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digital yang disita di bawah Akta ini.

**Kos memegang organisma, dsb., yang disita**

46. Jika mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan Persekutuan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, kos bagi memegang organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda itu termasuk dalam bentuk digitalnya, dalam jagaan hendaklah didapatkan sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan daripada pemunya itu.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan**

47. Tiada seorang pun boleh, berkenaan dengan mana-mana kemasukan atau penggeledahan, atau penyitaan mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini, berhak kepada kos kemasukan, penggeledahan, atau penyitaan itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Halangan terhadap pegawai penguat kuasa**

48. Mana-mana orang yang mengamang, menghalang, merintang atau mengganggu, atau enggan memberi akses kepada mana-mana premis kepada, seseorang pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**49.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan itu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas —

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang dia mahu.

**Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**49A.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, inahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana

pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyoltong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu perbarisan cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

### **Kuasa untuk menghendaki pengemukaan benda yang berhubung dengan kesalahan**

50. (1) Mana-mana pegawai penguat kuasa boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan kepadanya organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang pegawai penguat kuasa itu semunasabahnya percaya telah digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sebagaimana dalam milikan, atau jagaan atau di bawah kawalan orang itu atau dalam kuasa orang itu untuk mengemukakan.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menahan apa-apa organisma atau hasilan yang

disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (1) bagi maksud penyiataan.

(3) Peruntukan tentang pelucuthakan dalam seksyen 45 hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital yang ditahan di bawah subseksyen (2).

(4) Mana-mana orang yang gagal mengemukakan mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai penguat kuasa di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berhubung dengan kesalahan**

**51.** Seseorang pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan mana-mana orang untuk memeriksa mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, yang disita atau ditahan di bawah Akta ini, jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa organisma atau hasilan yang disyaki

merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian, atau buku, dokumen, data berkomputer, radas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, perkara atau benda termasuk dalam bentuk digital, bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat tentang organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian**

**52.** (1) Lembaga boleh menghendaki mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian memberi kepada Lembaga maklumat yang berhubungan dengan komposisi dan kegunaan apa-apa organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang gagal memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan komposisi dan kegunaan mana-mana organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Kuasa untuk mengambil sampel**

**53.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel mana-mana organisma atau hasil yang disyaki merupakan atau mengandungi organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian bagi maksud analisis—

- (a) apabila dibayar, daripada mana-mana orang yang menjual organisma atau hasil sedemikian, atau daripada ejen atau pekhidmatriya atau ejen atau pekhidmat pertubuhan perbadanan itu; atau

- (b) tanpa bayaran, daripada mana-mana pengilang atau pengimport organisma atau hasil sedemikian atau daripada ejen atau pekhidmatnya atau ejen atau pekhidmat pertubuhan perbadanan itu.

(2) Sampel yang diminta, dipilih, diambil atau didapatkan di bawah subseksyen (1) hendaklah diterima dalam mana-mana mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi mana-mana permintaan yang dibuat oleh seseorang pegawai penguat kuasa di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Tatacara bagi pengambilan sampel**

**54.** (1) Jika dimaksudkan untuk dikemukakan apa-apa sampel bagi mana-mana organisma atau hasil yang disyaki merupakan atau mengandungi organisma diubah suai yang hidup atau hasil organisma sedemikian bagi analisis pegawai penguat kuasa yang membeli atau selainnya memperoleh sampel itu hendaklah memberitahu penjual, pengilang atau pengimport atau ejen atau pekhidmatnya atau ejen atau pekhidmat pertubuhan perbadanan itu yang daripadanya organisma atau hasil tersebut dibeli atau selainnya diperoleh bahawa dia bermaksud sampel itu dianalisis oleh seorang juruanalisis.

(2) Tatacara bagi mengambil dan berurusan dengan sampel itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

### **Pelantikan jruanalisis**

**55.** Lembaga boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi juruanalisis bagi maksud menjalankan suatu analisis di bawah Akta ini.

**Perakuan analisis**

**56.** (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seseorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Pendakwa Raya dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi, yang dalam hal itu dia hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Pendakwa Raya tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

(2) Jika Pendakwa Raya berhasrat untuk memberikan sebagai keterangan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) dia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

**Anggapan**

**57.** Jika keterangan atau sesuatu perakuan analisis diberikan oleh seseorang juruanalisis yang menyatakan bahawa organisma atau hasilan dalam apa jua bentuk yang dikemukakan di hadapan mahkamah merupakan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, mahkamah hendaklah menganggap bahawa organisma atau hasilan sedemikian ialah organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

**Pernulaan pendakwaan**

**58.** Tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**BAHAGIAN VII****PELBAGAI****Maklumat perniagaan yang rahsia**

**59.** (1) Mana-mana orang yang membuat suatu permohonan di bawah seksyen 13 atau yang mengemukakan suatu pemberitahuan di bawah subseksyen 22(1) boleh memohon kepada Ketua



Pengarah supaya dirahsiakan mana-mana maklumat perdagangan dan perindustrian yang berhubungan dengan permohonan atau pemberitahuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Ketua Pengarah boleh membenarkan kerahsiaan berdasarkan kriteria dalam subseksyen (3) dan jika kerahsiaan dibenarkan maklumat itu tidak boleh diumumkan.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menimbang tuntutan bagi kerahsiaan mengikut kriteria yang berikut:

- (a) bahawa maklumat itu tidak diketahui pada umumnya di kalangan, atau boleh diakses dengan mudah oleh, mana-mana orang dalam lingkungan itu yang biasanya berurusan dengan jenis maklumat yang hendak dijadikan rahsia;
- (b) bahawa maklumat itu mempunyai nilai perdagangan disebabkan ia ialah rahsia; dan
- (c) bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk merahsiakan maklumat itu.

(4) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) tiada anggota Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat, atau mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) tiada seorang pun yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat, atau mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 8(1)

sama ada semasa tempoh memegang jawatan atau semasa tempoh pekerjaannya atau selepas itu, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa menjalankan tugasnya yang baginya kerahsiaan telah diberikan di bawah subseksyen (3).

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

**Pendedahan umum**

**60.** (1) Tertakluk kepada budi bicara Lembaga, orang ramai boleh mempunyai akses kepada apa-apa maklumat yang berhubungan dengan mana-mana permohonan bagi kelulusan, kelulusan yang diberikan atau pemberitahuan, yang tidak diberikan kerahsiaan di bawah subseksyen 59(2), mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Apa-apa keputusan yang dibuat di bawah Bahagian III dan Bahagian IV hendaklah boleh didapati oleh orang ramai mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

**Pengenalpastian dan pelabelan**

**61.** Semua organisma diubah suai yang hidup, butiran yang mengandungi organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian hendaklah dikenal pasti dan dilabelkan dengan jelas mengikut cara yang hendaklah ditetapkan dan kehendak bagi pengenalpastian dan pelabelan itu adalah sebagai tambahan kepada mana-mana undang-undang bertulis lain.

**Bantuan daripada berbilang agensi semasa kecemasan**

**62.** (1) Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan pelan gerak balas kecemasan yang dikemukakan di bawah perenggan 13(1)(b) dan 24(a) kepada semua agensi yang berkaitan bagi tindakan yang perlu.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa kecemasan yang melibatkan mana-mana organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian, Ketua Pengarah boleh mendapatkan bantuan dan kerjasama agensi yang berkaitan dalam melaksanakan apa-apa langkah kecemasan termasuk langkah-langkah yang diperuntukkan dalam pelan gerak balas kecemasan.

(3) Apa-apa kos yang dilakukan oleh mana-mana agensi dalam melaksanakan apa-apa langkah kecemasan hendaklah ditanggung oleh orang yang diluluskan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membebaskan atau disifatkan membebaskan orang yang diluluskan daripada mana-mana obligasinya atau obligasi pertubuhan perbadanan untuk mengambil segala langkah yang perlu sekiranya berlaku apa-apa kecemasan.

### Penyampaian notis

**63.** (1) Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan atau disampaikan di bawah Akta ini boleh dihantarkan dengan sendiri atau melalui pos berdaftar Akuan Terima, melainkan jika terdapat bentuk lain penyampaian yang ditetapkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, ke alamat pejabat berdaftar syarikat itu;
- (b) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia, sama ada kepada individu yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian proses di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], atau ke alamat yang difailkan dengan Pendaftaran Syarikat atau kepada pejabat berdaftar syarikat itu, di mana-mana jua ia terletak; atau
- (c) dalam hal seorang individu atau kumpulan orang, ke alamat perniagaan atau persendirian individu atau kumpulan orang itu yang terakhir diketahui.

(2) Jika orang yang kepadanya telah dialamatkan suatu surat berdaftar Akuan Terima yang mengandungi apa-apa notis yang diberikan di bawah Akta ini diberitahu hakikat bahawa terdapat suatu surat berdaftar Akuan Terima yang sedang menunggunya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau abai mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan padanya pada tarikh dia diberitahu sedemikian.

### Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

**64.** Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya itu dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu; dan
- (c) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti yang terpakai bagi seseorang individu.

### **Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat**

65. Mana-mana orang yang sepatutnya dikenakan mana-mana penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya melainkan jika dia membuktikan—

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu.

### **Kuasa untuk mengkompaun**

66. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat tawaran secara bertulis untuk mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan yang ditentukan oleh Menteri sebagai kesalahan boleh kompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dengan menerima daripada orang yang disyaki semunasabahnya melakukan kesalahan itu apa-apa amaun,

yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu yang baginya orang itu sepatutnya dikenakan atau jika dia atau ia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(4) Apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Pemalsuan, penyembunyian dan pemusnahan dokumen**

**67.** Mana-mana orang, dengan niat untuk memperdaya, berkenaan dengan sesuatu dokumen yang kena ditunjukkan atau dikemukakan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, yang membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu catatan palsu, meninggalkan daripada membuat, atau menyebabkan supaya ditinggalkan, apa-apa catatan, atau mengubah, membuat cabutan, menyembunyikan atau memusnahkan, atau menyebabkan supaya diubah, dibuat cabutan, disembunyikan atau dimusnahkan, apa-apa catatan, memalsukan sesuatu dokumen, atau menggunakan atau memegang dalam milikannya suatu dokumen palsu, yang berupa sebagai dokumen yang sah, mengubah apa-apa catatan yang dibuat dalam apa-apa dokumen, atau mengeluarkan atau menggunakan suatu dokumen yang palsu atau tidak betul, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengelirukan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau

- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

### **Kuasa Menteri untuk membuat pengecualian**

**68.** Menteri boleh, atas syor Lembaga, mengecualikan daripada pemakaian mana-mana atau semua peruntukan Akta ini mana-mana orang, golongan orang, aktiviti, kategori aktiviti, organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian.

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**69.** (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi yang berikut:

- (a) cara yang hendaklah diikuti dan maklumat, termasuk kaedah pengesanan dan sampel yang hendaklah diberikan dalam suatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah seksyen 13;
- (b) perakuan kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 16(3);
- (c) cara yang hendaklah diikuti, maklumat dan laporan yang hendaklah diberikan dalam mengemukakan sesuatu pemberitahuan di bawah subseksyen 22(1);
- (d) bentuk pengakuteraan penerimaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 25;
- (e) laporan penilaian risiko dan laporan pengurusan risiko termasuk laporan berkala oleh orang yang diluluskan tentang pemantauan dan penaksiran risiko;
- (f) pelan gerak balas kecemasan;
- (g) tatacara yang hendaklah diikuti dalam rayuan yang dibuat kepada Menteri;
- (h) aktiviti kegunaan terkawal bagi mana-mana penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh institut pelatih dan penyelidikan awam;

- (i) tatacara mengambil dan berurusan dengan sampel;
- (j) pengenalpastian dan pelabelan organisma diubah suai yang hidup, butiran yang mengandungi organisma diubah suai yang hidup dan hasilan organisma sedemikian;
- (k) pengkompaunan kesalahan;
- (l) fi yang kena dibayar di bawah Akta;
- (m) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Menteri bagi maksud Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, —

- (a) jika orang itu ialah orang persendirian, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Kuasa untuk meminda Jadual**

**70.** Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual kepada Akta ini.

### **Peruntukan peralihan**

**71.** (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, menjalankan suatu aktiviti yang baginya Akta ini terpakai hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, membuat suatu permohonan bagi kelulusan di bawah seksyen 13 atau mengemukakan suatu pemberitahuan di bawah subseksyen 22(1), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apabila diterima permohonan bagi kelulusan atau pengemukaan pemberitahuan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu pengakuterimaan penerimaan kepada orang itu.

(3) Sementara menunggu penentuan permohonan atau pemberitahuan mengikut Bahagian III atau Bahagian IV, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu boleh terus menjalankan aktiviti itu.

## JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 4(3)]

### PERUNTUKANYANGBERHUBUNGANDENGAN LEMBAGA

#### Anggota silih ganti

1. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota Lembaga selain Pengerusi dan anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(2)(h), melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga yang anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Lembaga.

#### Tempoh jawatan

2. (1) Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga selain Pengerusi hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan keanggotaannya atau mengosongkan keanggotaannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi seorang anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia merupakan silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

#### Pembatalan dan peletakan jawatan

3. (1) Pelantikan mana-mana anggota Lembaga selain Pengerusi boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.



(2) Seseorang anggota Lembaga selain Pengerusi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri.

### **Pengosongan jawatan**

4. (1) **Jawatan** seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti dendaj selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi **bankrap**;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut **tanpa** kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, **tanpa** kebenaran Menteri;
- (f) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) **Jika** mana-mana orang terhenti menjadi anggota Lembaga oleh sebab mana-mana peruntukan subperenggan (1), seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikan tempatnya.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

5. (1) Jika Pengerusi **atas** apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa **tempoh** kekosongan jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Sehingga suatu pelantikan di bawah subperenggan (1) dibuat atau jika tiada pelantikan sedemikian atau jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, anggota yang hadir hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk menjadi Pengerusi bagi maksud mesyuarat itu.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subperenggan (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, semasa tempoh yang dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini disifatkan sebagai Pengerusi.

### **Mesyuarat**

6. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam bulan sekali pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis secara bertulis mengenai sesuatu mesyuarat hendaklah diberikan kepada anggota Lembaga.

(3) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak kepada satu undi.

(4) Jika mengenai sesuatu persoalan untuk diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Pengerusi dan empat orang anggota lain yang hadir pada mesyuarat Lembaga hendaklah membentuk suatu kuorum.

### **Pengerusi Jawatankuasa Penasihat hendaklah hadir pada mesyuarat Lembaga**

7. (1) Pengerusi Jawatankuasa Penasihat atau wakilnya hendaklah hadir pada tiap-tiap mesyuarat Lembaga, tetapi kehadirannya tidaklah membentuk suatu kuorum bagi mesyuarat itu dan dia tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(2) Jika pengerusi Jawatankuasa Penasihat atau wakilnya menghadiri mesyuarat Lembaga dia hendaklah dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

8. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Penzahiran kepentingan**

9. Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga, hendaklah menzahirkan

## *Biokeselamatan*

hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam **minit** Lembaga dan anggota itu tidak boleh hadir dalam mana-mana pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan perkara itu.

### **Minit**

**10.** (1) Setiausaha Lembaga hendaklah menyenggarakan **minit** semua mesyuarat Lembaga dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) **Minit** yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga berkenaan dengan prosiding yang mengenainya **minit** telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### **Elaun**

**11.** Pengerusi dan anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apaelaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

### **Tatacara**

**12.** Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri.

### **Meterai perbadanan**

**13.** (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "*National Biosafety Board*" atau "Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarah atau orang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, dan disahkan seperti yang disebut terdahulu, hendaklah, disifatkan telah disempurnakan dengan sah, sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh Lembaga;

dan apa-apa dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

#### **Kesahan perbuatan dan prosiding**

**14.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran oleh mana-mana anggota Lembaga berkenaan dengan peruntukan perenggan 9; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakaturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

#### **Anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga**

**15.** Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya secara berkesan.

### **JADUAL KEDUA**

[Seksyen 3]

#### **AKTIVITI PELEPASAN**

1. Maksud penyelidikan dan pembangunan dalam semua uji kaji lapangan
2. Pembekalan atau tawaran untuk membekalkan bagi penjualan atau meletakkan dalam pasaran
3. Tawaran sebagai hadiah, hadiah kemenangan atau barang percuma
4. Pelupusan
5. Maksud pemulihan
6. Apa-apa aktiviti lain yang tidak terjumlah kepada kegunaan terkawal

**JADUAL KETIGA**

[Seksyen 38]

**PEGAWAI PENGUAT KUASA**

1. Mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Polis 1967 [Akta 344]
  2. Mana-mana Pegawai Pemeriksa Jabatan Pertanian sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]
  3. Mana-mana pegawai diberi kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Makanan 1983 [Akta 281]
  4. Mana-mana Pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [Akta 235]
  5. Mana-mana Pegawai pelabuhan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952]
  6. Mana-mana pegawai perikanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Perikanan 1985 [Akta 317]
  7. Mana-mana pegawai diberi kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 dan dilantik di bawah seksyen 53 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634]
- Mana-mana pihak berkuasa veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Binatang 1953 [Akta 647]